

05 AUG 1997

LANGKAH BANK NEGARA UNTUK BENDUNG SPEKULASI, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 5 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata langkah terbaru Bank Negara untuk menghadkan urus niaga pertukaran wang adalah untuk membendung spekulasi ke atas ringgit dan menggalakkan urus niaga berkaitan perdagangan yang produktif.

Katanya kerajaan telah mengambil keputusan untuk membenarkan kadar pertukaran yang lebih rendah bagi pinjaman berkaitan perdagangan di pasaran pertukaran wang asing untuk membendung spekulasi dan mengadakan kestabilan kepada pasaran matawang.

Mereka yang mencari pinjaman untuk tujuan-tujuan spekulatif di pasaran pertukaran wang akan terpaksa membayar lebih, katanya menjawab pertanyaan mengenai peraturan Bank Negara yang diumumkan Ahad lalu.

Bank pusat berrkata ia telah mengarahkan bank-bank supaya mematuhi had AS\$2 juta ke atas urus niaga pertukaran pihak tawaran ringgit berkaitan bukan komersil yang belum dijelaskan dengan setiap pelanggan asing berkuat kuasa semalam.

Ini bermakna bahawa bank-bank yang telah melebihi had tidak akan dibenarkan mengurus niaga sebarang pertukaran lanjut dengan pelanggan tertentu.

Urus niaga pertukaran adalah perjanjian untuk membayar atau menjual matawang pada satu tarikh kemudian manakala kadar pertukaran adalah harga di mana individu-individu sanggup bertukar matawang.

Peniaga-peniaga berkata bahawa langkah Bank Negara untuk menghadkan jualan bukan komersil kepada rakyat asing patut disambut baik oleh para peminjam kerana ia akan memberikan kelonggaran lebih besar untuk mengekalkan kadar faedah lebih rendah.

Dr Mahathir berkata jika urus niaga adalah berkaitan perdagangan, ia akan dipermudahkan dan kadarnya adalah lebih rendah.

Jika ia tidak berkaitan dengan perdagangan dan "kita tidak tahu ia untuk apa, maka ia akan mempunyai kadar faedah yang lebih tinggi," beliau memberitahu pemberita di sini.

Beberapa tokoh bank yang menyambut baik langkah itu, berkata susut nilai ringgit baru-baru ini berbanding dolar AS nampaknya adalah hasil daripada aktiviti sewenang-wenang spekulator matawang yang mencari peluang untuk memperolehi keuntungan jangka pendek.

Sementara itu, sejak peraturan Bank Negara itu, ringgit telah menjadi stabil secara relatif meningkat kepada 2.6115/35 semalam daripada 2.6260/90 berbandig dolar AS, tetapi matawang itu turun hari ini kepada 2.6325 setelah Malaysia mencatat defisit perdagangan sebanyak RM2.8 bilion pada Jun tahun ini. -- BERNAMA

NH OS/sia